

**GARIS PANDUAN
AGIHAN KEWANGAN GURU DAN KAKITANGAN
SEKOLAH AGAMA RAKYAT FASA 1 TAHUN 2024**

A. DASAR AGIHAN KEWANGAN ZAKAT KEPADA GURU DAN KAKITANGAN SEKOLAH AGAMA RAKYAT

1. Agihan ini disediakan kepada rakyat negeri Kedah yang **sedang berkhidmat sebagai guru dan kakitangan sepenuh masa** di sekolah-sekolah agama rakyat yang berdaftar di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah.
2. Sekolah-sekolah Agama Rakyat yang berdaftar di bawah JHEAIK merangkumi :
 - i. Maahad Tahfiz
 - ii. Pondok/ Madrasah
 - iii. Sekolah Menengah Agama (SMA)
 - iv. Sekolah Rendah Agama (SRA)
3. Pemohon yang layak memohon bagi agihan ini adalah berdasarkan kategori seperti berikut ;
 - i. Guru / Tenaga Pengajar
 - ii. Pentadbiran Sekolah
 - iii. Kakitangan Sokongan
 - iv. Pekerja Am

B. KADAR BANTUAN

| PENERIMA | JUMLAH AGIHAN |
|--|-------------------|
| Guru dan Kakitangan Sekolah Agama Rakyat | RM 600.00 seorang |


C. SYARAT PERMOHONAN AGIHAN KEWANGAN ZAKAT KEPADA GURU DAN KAKITANGAN SEKOLAH AGAMA RAKYAT

1. Pemohon sedang menetap di negeri Kedah dan berkhidmat di sekolah agama rakyat yang berdaftar di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK) secara **sepuh masa**.
2. Kategori pekerjaan pemohon yang layak memohon adalah seperti berikut :
 - i. Guru/ Tenaga Pengajar
 - ii. Pentadbiran Sekolah : Mudir/ Pengetua/ Guru Besar/ Penolong Kanan
 - iii. Kakitangan Sokongan : Kerani/ Pembantu Tadbir/ Pembantu Guru/ Penyelia Asrama/ Pembantu Koperasi
 - iv. Pekerja Am : Tukang Masak/ Tukang Cuci/ Pengawal Keselamatan/ Pemandu (Yang dibayar gaji oleh pihak sekolah)

3. Tempoh berkhidmat di sekolah sekurang-kurangnya tiga puluh enam **(36) bulan**.
4. Guru / Kakitangan **Bukan** lantikan perkhidmatan di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri, JHEAIK.
5. Jumlah pendapatan kasar bulanan **tidak melebihi RM 2,500.00**.

D. KAEDAH PERMOHONAN

Permohonan dibuat secara atas talian seperti berikut :



E. TARIKH AKHIR PERMOHONAN FASA 1 TAHUN 2024

30 Jun 2024

F. DOKUMEN SOKONGAN YANG PERLU DIMUAT NAIK BERSAMA PERMOHONAN

1. Salinan Kad Pengenalan Pemohon
2. Borang Pengesahan Dalam Perkhidmatan Di Sekolah Agama Rakyat. **(Boleh Dimuat turun melalui : <https://bit.ly/BorangPengesahanFasa1>)**
 *Nota : ***Pastikan borang dicop dan ditandatangani oleh pengetua/ mudir/ guru besar/ pengerusi lembaga tadbir sekolah***
3. Salinan Akaun Bank Pemohon (selain ASB dan Tabung Haji)

G. MAKLUMAT LANJUT

Divisyen Pendidikan Zakat Kedah

Aras 3, Menara Zakat
 Jalan Teluk Wan Jah
 05200 Alor Setar
 Kedah Darul Aman

No Tel. : 04-733 1740 (Ext. 172) / 013-459 2071

E-mel : pendidikan@zakatkedah.com.my